



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**  
**CINTAILAH NEGARA KITA**

**Siri: 35/2021**

**02 Safar 1443 H**  
*Bersamaan*  
**10 September 2021**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang **penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah DILARANG.**

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan **helaian muka surat yang diterima**. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَنَا بِحُبِّ الْوَطَنِ وَالدِّفاعِ عَنْهُ مِنْ كُلِّ اعْتِدَاءِ الْأَعْدَاءِ،  
وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَعْرُوفُ بِالصَّادِقِ الْأَمِينِ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْخَلْقِ أَجْمَعِينَ،  
وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ. فِيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ.  
إِخْرَانِيَ الْمُسْلِمِينَ أَثَابُكُمُ اللَّهُ !

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan dan ketaatan kehadrat Allah s.w.t dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat. Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah:

### **Cintailah Negara kita.**

#### **Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah sekalian**

Bersyukurlah kepada Allah s.w.t kerana kita masih dapat hidup dalam keadaan aman damai di Negara kita Malaysia yang tercinta ini, berbanding dengan sebahagian daripada saudara-saudara seagama dengan kita yang hidup penuh dengan ketakutan dan kesengsaraan kerana menghadapi peperangan, kezaliman dan penindasan yang tidak ada penghujungnya.

Sebagai tanda kesyukuran kita kepada nikmat Allah yang tak ternilai ini marilah sama-sama kita mencintai Negara kita. Mencintai Negara dan kesetiaan kepada Negara merupakan tanggungjawab setiap insan yang hidup di atas muka bumi ini sebagaimana kata pepatah “di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung”. Mencintai Negara juga merupakan sebahagian dari sunnah Rasulullah s.a.w. yang perlu diikuti dan dicontohi oleh setiap warga Negara.

Tercatat di dalam buku sejarah menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w sangat mencintai negeri Mekah, sebagai tempat kelahiran Baginda dan tempat Baginda membesar, seterusnya diutus menjadi Rasul. Kecintaan ini dizahirkan oleh Baginda s.a.w semasa diperintah berhijrah ke Madinah. Baginda merasa sangat berat hati hendak meninggalkan Negeri Mekah ketika itu, lalu Allah s.w.t. menurunkan ayat 85 dalam surah al Qasas bagi menenangkan hati Baginda dengan firmanNya:

إِنَّ اللَّهَيْ فَرَضَ عَلَيْكَ الْقُرْءَانَ لِرَادِكَ إِلَى مَعَادٍ قُلْ رَبِّيَ أَعْلَمُ مَنْ جَاءَ

بِالْهُدَىٰ وَمَنْ هُوَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٌ

85

**Yang bermaksud:** “Sesungguhnya Allah yang mewajibkan kepadamu (beramal dan menyampaikan) Al-Quran (wahai Muhammad) sudah tentu akan menyampaikan engkau lagi kepada apa yang engkau ingin dan cintai. katakanlah (kepada kaum yang menentangmu): "Tuhanku amat mengetahui akan sesiapa yang membawa hidayah petunjuk dan sesiapa pula yang berada dalam kesesatan yang nyata".

Ayat ini menegaskan bahawa Allah yang menurunkan al Quran kepada Baginda dan mewajibkan Baginda dan umatnya membaca, menyampai dan mengamalkan kandungannya sudah tentu akhirnya akan menjayakan Baginda mengalahkan pihak lawannya dan mengembalikan Baginda ke Mekah semula dengan mendapat kemenangan besar.

Lalu Baginda berpaling mengadap ke arah Mekah dan bersabda:

مَا أَطْيَبَكِ مِنْ بَلْدٍ وَأَحَبَّكِ إِلَيَّ وَلَوْلَا أَنْ قَوْمِيْ أَخْرَجُونِيْ مِنْكِ مَا سَكَنْتُ غَيْرَكِ

(رواه الترمذی)

**Yang bermaksud:** Alangkah cantiknyamu di kalangan negeri dan alangkah cintanya aku kepadamu, andai kata kaumku tidak mengusirkanku keluar darimu nescaya aku tidak akan mendiami selainmu. (H.R. Tirmizi)

Semasa berada di Madinah pula Baginda menzahirkan cintanya kepada Madinah dengan berdoa:

اللَّهُمَّ حَبِّبْ إِلَيْنَا الْمَدِينَةَ كَحُبْنَا مَكَّةَ أَوْ أَشَدَّ

(رواه البخاري ومسلم)

**Yang bermaksud:** Wahai Tuhan kami kurniakanlah kepada kami kecintaan kepada Madinah sebagaimana kecintaan kami kepada Mekah atau lebih kuat lagi.

(H.R Bukhari dan Muslim)

## **Sidang Jumaat yang diberkati Allah sekalian!**

Terdapat berbagai-bagai cara yang dilakukan oleh umat manusia bagi menzahirkan kecintaannya kepada Negara masing-masing. Namun bagi umat Islam cara menzahirkan kecintaan kepada Negara perlu dilakukan mengikut landasan yang dibenarkan oleh syarak dan tidak melanggar batasan-batasan yang di tetapkan. Antara tanda-tanda mencintai Negara yang perlu dizahirkan ialah:

**Pertama:** Memperbanyak berdoa kepada Allah s.w.t untuk keselamatan, keamanan kemakmuran dan kesejahteraan Negara, sebagaimana yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s dalam doanya untuk Negeri Mekah yang disebut dalam al Quran surah al Baqarah ayat 126:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّي أَجْعَلْ هَذَا بَلَدًاءَ اَمِنًا وَأَرْزُقْ أَهْلَهُ مِنْ أَنْ شَرَّتِ مِنْهُمْ

بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ .....  
١٢٦

**Yang bermaksud:** Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan! Jadikanlah (negeri Mekah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka".

**Kedua:** Berusaha sedaya upaya untuk membangun dan memakmurkan Negara supaya lebih maju sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah melalui firmanNya dalam surah Hud ayat 61:

٦١

هُوَ أَنَّا كُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَأَسْتَعْمِرُكُمْ فِيهَا

**Yang bermaksud:** “Dialah yang telah menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi serta menghendaki kamu memakmurkannya.”

**Ketiga:** berganding bahu dan berkerjasama mempertahankan Negara dari segala bentuk pencerobohan dan ancaman terhadap keselamatan dan kedaulatan Negara, selaras dengan perintah Allah s.w.t. dengan firmanNya dalam surah al Anfal ayat 60:

وَأَعِدُّوا لَهُم مَا أَسْتَطَعْتُم مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ  
عُدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَإِخْرَيْنَ مِنْ دُونِهِمْ لَا يَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ  
٦٠

**Yang bermaksud:** “Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh Yang menceroboh) Segala jenis kekuatan Yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda Yang lengkap sedia, untuk menggerunkan Dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh Yang lain dari mereka Yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya”

**Keempat:** Tidak melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan huru hara dan mendatangkan bencana atau kerosakan terhadap Negera. Juga tidak melakukan apa-apa bentuk maksiat yang boleh mengundang kemurkaan dan bala Allah s.w.t.

Ketahuilah bahawa harga sebuah keamanan dan kemakmuran sangat mahal nilainya, ia perlu mengambil masa yang panjang untuk mendapatkannya. Namun untuk menhancurkannya sangat mudah, malah dalam masa yang singkat sahaja boleh memusnahkan segala-galanya. Justeru itulah ia sangat dilarang oleh Islam, sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah al Anfal ayat 25:

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً



وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

**Yang bermaksud :** “Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) Yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang Yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). dan ketahuilah Bahawa Allah Maha berat azab seksaNya.”

**Kelima** : Mengebarkan Jalur gemilang di premis masing-masing bagi memarakkan lagi semangat kecintaan kepada Negara, kerana ia merupakan simbol kedaulatan Negara kita yang tercinta ini.

### **Sidang Jumaat yang dilindungi Allah sekalian!**

**Kesimpulannya:** Sebagai tanda kita mencintai Negara, perbanyakkanlah doa untuk keselamatan dan kesejahteraan Negara kita, serta keseluruhan penghuninya setiap kali selesai menunaikan solat fardhu lebih-lebih lagi dalam situasi wabak yang kita sedang menghadapinya sekarang ini. Perbanyakkan ketaatan kepada perintah Allah serta hindarkanlah diri dari melakukan apa saja perbuatan yang boleh mencetuskan huru hara dalam Negara dan jauhkanlah diri dari segala bentuk maksiat yang boleh mengundang kemurkaan dan balasan Allah s.w.t., semoga Negara kita dirahmati dan berkat oleh Allah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ إِمْنَاؤْ وَاتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ

كَذَّبُوا فَأَخْذَنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ١٦

**Yang bermaksud:** “Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) Yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka Dengan azab seksa disebabkan apa Yang mereka telah usahakan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فِي عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِ الرَّحْمَنِ رَحْمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلُّمُوا  
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَبَّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، ابْنَ  
الْمَرْحُومِ السُّلْطَانِ مَحْمُودِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهِ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى  
السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَاعِيَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا  
وَالآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَعْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ  
مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah selamatkan kami dan seluruh ummah Islam di mana jua mereka berada. Satukanlah persaudaraan dan perpaduan ummat Islam dengan ikatan

yang erat dan kukuh. Mantapkanlah iman kami dan teguhkanlah pegangan kami menurut ahli sunnah wal jamaah, peliharakanlah kami dari amalan dan pegangan aqidah yang menyeleweng.

Ya Allah, bantu dan kasihilah kami dan seluruh ummat Islam dari kesusahan, wabak dan bala bencana. Lenyapkanlah wabak covid 19 dari bumiMu ini Ya Allah.. Ya Rahman.. Ya Rahim..

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ،  
وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمُ اللَّهُ.